

Mukhriz terus dibidas

KUALA LUMPUR 18 Nov. - Ketua Pergerakan Wanita UMNO, Datuk Seri Rafidah Aziz menyifatkan Datuk Mukhriz Mahathir tidak memahami intipati ucapan dasar Presiden UMNO yang menggariskan agenda Melayu.

Menurutnya, kenyataan Exco Pemuda UMNO itu juga menunjukkan beliau tidak memahami mesej yang disampaikan oleh Perdana Menteri.

"Presiden perlu mengulangi mesej yang sama beberapa kali kerana tidak semua yang hadir pada perhimpunan itu adalah orang yang sama pada 10 atau 15 tahun lalu.

"Terdapat generasi baru terdiri daripada Pemuda, Puteri dan Wanita, malah ahli UMNO sendiri yang sebelum ini tidak mendapat mesej Presiden," katanya kepada pemberita pada Rumah Terbuka Aidilfitri Wanita UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), hari ini.

Rafidah mengulas kenyataan Mukhriz dalam akhbar berbahasa Inggeris Khamis lalu yang mendakwa tiada perkara baru dalam

ucapan dasar Abdullah pada Perhimpunan Agung UMNO.

Dalam hal ini, katanya, Mukhriz sepatutnya menggunakan saluran dalaman sekiranya beliau mempunyai pandangan tertentu dan bukan mengkritik secara terbuka.

Sementara itu, Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid Hamidi menyifatkan Mukhriz sebagai tidak rasional dan tidak berpijak di bumi nyata.

Katanya, sebagai Exco Pemuda UMNO yang mendapat undi tertinggi, tindakannya menjejaskan imej sayap parti itu dan akan dilihat seolah-olah tiada permuafakatan dalam barisan kepimpinan pergerakan itu.

Ahmad Zahid yang juga anggota Majlis Tertinggi UMNO turut meminta Mukhriz supaya tidak mengambil kesempatan terhadap sifat lembut yang diperlihatkan Abdullah dengan "menikam dan memberikan komen yang negatif dari belakang".

Exco Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Pirdaus Ismail pula meminta Mukhriz berhenti mengeluarkan sebarang kenyataan

Sebagai Exco Pemuda UMNO yang mendapat undi tertinggi, tindakannya menjejaskan imej sayap parti itu dan akan dilihat seolah-olah tiada permuafakatan dalam barisan kepimpinan pergerakan itu

- Ahmad Zahid Hamidi

yang boleh mengeruhkan perpaduan dalam parti.

Katanya, ini kerana Pergerakan Pemuda UMNO ketika ini berada pada tahap yang terbaik, kuat serta dihormati kerana kepimpinannya.

Menurut beliau, kedudukan mantap itu berjaya dicapai hasil permuafakatan, kerjasama dan rasa tanggungjawab semua ahli Pemuda.

Katanya, tindakan Mukhriz mengkritik ucapan dasar Abdullah dilihat boleh memecah-belahkan perpaduan parti khususnya

Pemuda.

"Sebagai rakan, saya ingin menasihati beliau (Mukhriz) berhenti mengeluarkan kenyataan sedemikian.

"Ini kerana, sokongan Pemuda terhadap ucapan dasar Presiden dibuat berlandaskan prinsip syura dan ia wajib dihormati," katanya ketika dihubungi di sinj hari ini.

Pengerusi Biro Pendidikan Pemuda UMNO, Ikmal Ismail pula meminta Mukhriz menilai semula diri serta perjuangan yang didokong selama ini.

Katanya, tindakan anak bekas Perdana

Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamed itu dilihat lebih bermotifkan peribadi.

Katanya, tindakan tersebut juga bertentangan dengan prinsip perjuangan yang di dokong oleh Pemuda terhadap pucuk pimpinan parti serta usaha-usaha memajukan orang Melayu.

Dalam pada itu, di MARAN, Pahang Penolong Bendahari pergerakan itu, Datuk Abdul Hamid Nazahar berkata, Exco Pemuda tidak pernah meminggirkan Mukhriz dalam membuat keputusan.

Menurutnya, soal memulaukan Mukhriz tidak timbul walaupun wujud spekulasi kearah itu oleh pihak tertentu.

Bagaimanapun, katanya, tindakan Mukhriz mengkritik ucapan dasar Presider UMNO tidak dipersetujui oleh pergerakan itu.

Tambah beliau, sebagai salah seorang Exco Pemuda UMNO, kerjasama sentiasa diberikan kepada Mukhriz tetapi tindakan beliau mengkritik Perdana Menteri selaku Presiden parti tidak dapat diterima.